

Headline	HQ Kempen HIJAU BUMI		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	04 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	825,000
Page No	V14	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	367 cm ²
Journalist	Nor Hidayatidayu Razali	AdValue	RM 13,554
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,663



Kempen HIJAU BUMI

Dome ajak pelanggan tanam pokok redakan bahang musim panas

Siti Nor Hidayatidayu Razali
sitinor@mediaprima.com.my

Kewujudan tumbuh-tumbuhan yang rimbun dan menghijau lebih dihargai pada musim panas begini yang mampu meredakan sedikit bahang terutama pada waktu tengah hari. Menyedari peranan tumbuh-tumbuhan yang tidak terhitung, kafe Dome menganjurkan Program Hijau dalam memujuk pelanggan dan orang ramai supaya turut menjaga kawasan sekitar.

Program itu dijalankan sepanjang tahun ini bagi mengumpul dana untuk pembelian anak pokok yang akan ditanam di hutan simpan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) November ini.

Inisiatif berkenaan adalah untuk menjaga kawasan hutan simpan dan taman rekreasi itu supaya sentiasa hijau dan boleh dikunjungi masyarakat

sekitar bagi melakukan aktiviti riadah bersama keluarga dan rakan-rakan.

Ketua Pemasaran dan Perhubungan Awam Dome Fahat, Nazri Aziz berkata, tujuan "Program Hijau bersama Dome" itu untuk mengajak kakitangan dan pelanggan Dome supaya menjaga alam sekitar.

Katanya, dalam keadaan cuaca yang agak panas dan kekurangan hujan, amat penting pihaknya menganjurkan program itu yang akan memastikan kawasan hutan sentiasa terjaga.

"Cuaca panas ini berkemungkinan disebabkan kekurangan pokok hijau dan amat berbahaya kepada kesihatan kita. Oleh itu, kita mahu menanam sebanyak mungkin pokok di hutan simpan FRIM dan

menyentuh seruan kerajaan yang mengajak masyarakat menjaga

kawasan sekitar," katanya selepas melancarkan program itu.

Menurutnya, untuk menyertai program itu, pelanggan Dome boleh membuat pembelian RM200 bagi melayakkan mereka mendapat beg kitar semula yang direka khas oleh Dome untuk pelanggan bertuah.

"Pemberian beg kitar semula itu sebagai penghargaan mereka yang tidak putus memberi sokongan kepada kami. Selain itu, pembelian itu juga akan disumbangkan ke dalam tabung program bertujuan membeli anak pokok," katanya. Inisiatif itu juga adalah untuk menghijaukan bandar raya Kuala Lumpur.

Fahat mengajak orang ramai supaya menyokong program itu kerana memberi faedah menceriakan kawasan bandar.

Manakala, penyanyi Atilia Haron yang dilantik sebagai duta berkata,

program itu sangat baik kerana mengajak orang ramai untuk menjaga alam sekitar supaya sentiasa hijau.

"Dalam keadaan sekarang kita tidak boleh mementingkan diri dan sentiasalah mengikuti program menghijaukan kawasan sekitar bagi menstabilkan suhu yang sangat panas.

"Kita mahu semua masyarakat mengambil bahagian dengan membuat pembelian di Dome dan mereka menyumbang ke dalam tabung program," katanya.

Atilia berharap pihak lain turut menganjurkan program seperti itu demi menjaga alam sekitar yang boleh memberi faedah kepada kesihatan masyarakat.

Headline	HQ Kempen HIJAU BUMI		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	04 Mar 2014	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	825,000
Page No	V14	Readership	2,475,000
Language	Malay	ArticleSize	367 cm ²
Journalist	Nor Hidayatidayu Razali	AdValue	RM 13,554
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,663

